

'Ugutan terhadap PM benar, tak boleh dipandang remeh'

Ancaman susulan kenyataan lantang Anwar terhadap isu Palestin tidak patut dilabel muslihat politik

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ugutan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah benar dan tidak boleh dipandang remeh atau dilabel sebagai muslihat politik untuk kepentingan peribadi, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Beliau berkata, isu keselamatan Perdana Menteri sudah pun dibincangkan bersama Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay serta pengarah jabatan di bawahnya.

Ancaman itu, tegas Razarudin, berpunca daripada kenyataan lantang Anwar dalam isu kemanusiaan di Palestin serta pemindahan penduduk Palestin dari Gaza dan Perdana Menteri mungkin sudah dimaklumkan mengenai kemungkinan ada ancaman dari negara lain.

"Pada masa ini, Cawangan Khas PDRM (Polis Diraja Malaysia) sedang bekerjasama dengan rakan sejawat dari luar negara bagi mengesahkan maklumat itu," katanya dalam wawancara khas dengan *BH* dan TV3.

Beliau berkata, hanya Perdana Menteri yang mempunyai butiran yang lengkap mengenai ancaman demikian dan mungkin memilih tidak mendedahkannya bagi mengelak menyinggung perasaan negara yang berkongsi maklumat sensitif dan seterusnya menimbulkan kekacauan awam.

Pihak yang membuat ugutan itu pula, kata Razarudin, tidak akan mengumumkannya secara terbuka untuk mengelakkan tindak balas antarabangsa kerana

membuli negara yang lebih kecil.

"Memandangkan iklim politik Malaysia, maklumat berkaitan pengintipan, keselamatan Perdana Menteri atau ekonomi memerlukan perbincangan secara bersemuka. Kami tidak akan guna telefon atau sebarang cara lain bagi mengekalkan kerahsiaan maklumat ini.

"Kita hanya akan berbincang dengan individu berkenaan bagi mengelakkan orang ramai panik," katanya sambil memaklumkan setakat ini, tiada laporan polis dibuat mengenai negara yang mengeluarkan ugutan terhadap Anwar.

Terdahulu, Anwar ketika berucap pada himpunan 'Malaysia Bersama Palestin' awal minggu ini, mendedahkan Malaysia menerima kritikan negara pro-Israel, khususnya Amerika Syarikat (AS) dan ancaman daripada Ahli Parlimen Eropah kerana sokongan negara kepada Gaza dan Palestin.

Pantau kemungkinan sabotaj


Razarudin berkata, walaupun keselamatan Perdana Menteri adalah keutamaan, usaha juga sedang dibuat untuk memantau kemungkinan sabotaj ekonomi dan Cawangan Khas PDRM mempunyai bahagian yang menilai kemungkinan unsur berkenaan.

"Apa yang penting bagi saya ialah keselamatan Perdana Menteri kerana jika apa-apa berlaku kepada beliau, saya akan menarigggung malu. Sebagai Ketua Polis Negara, menjadi tanggungjawab saya memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia.

"Jadi, jika Ketua Polis Negara malu, seluruh pasukan polis akan malu juga kerana tidak dapat melindungi seorang Perdana Menteri," katanya.

Mengakui kehadiran pihak perisikan asing menghadirkan potensi kebimbangan terhadap aspek keselamatan, beliau memberi contoh pembunuhan Fadi Mohamed al-Batsh, 35, profesor Palestin dan anggota Hamas dalam kes tembakan di Kuala Lumpur pada 2018.

"Apa yang penting bagi saya ialah keselamatan Perdana Menteri kerana jika apa-apa berlaku kepada beliau, saya akan menanggung malu. Sebagai Ketua Polis Negara, menjadi tanggungjawab saya memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia



Razarudin Husain,
Ketua Polis Negara

Contoh lain, katanya, penahanan wanita Malaysia tahun lalu kerana menculik seorang warga Palestin, dipercayai pakar pengaturcaraan komputer dengan siasatan mendapati wanita itu direkrut agensi perisikan asing pada 2016 sebagai ejen operatif bebas sehingga dia ditangkap.

"Apa yang saya maksudkan ialah jika seorang saintis dalam perisian untuk Hamas (boleh jadi sasaran), Perdana Menteri kita lebih berisiko. Kita boleh mempunyai lebih ramai pakar perisian, tetapi Malaysia hanya mempunyai seorang Perdana Menteri.

"Jadi, saya yakin ada ancaman, sama ada terhadap nyawanya (Anwar), kepada ekonomi kita dan lain-lain," katanya turut memaklumkan, Anwar sudah diberikan nasihat agar menghadkan kemunculannya di khalayak ramai.

Razarudin berkata, bilangan pengawal peribadi Perdana Menteri juga sudah ditambah, terutama ketika pemimpin negara itu berada di lapangan.

Tambahnya, PDRM juga berwaspada dengan kemungkinan serangan siber dan mengkaji untuk meningkatkan langkah keselamatan siber, termasuk me-

ningkatkan 'firewall' atau sistem jaringan keselamatan komputer.

Bukit Aman, katanya, akan turut bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi lain untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam.

Keselamatan rakyat

Mengenai keselamatan rakyat Malaysia, termasuk pegawai kedutaan di luar negara, Razarudin yakin kumpulan itu dilindungi dengan baik, namun tidak menolak kemungkinan mereka dipanggil pulang jika terdapat risiko keselamatan.

Bagi kedutaan asing di Malaysia pula, beliau berkata, menjadi tanggungjawab PDRM menjaga semua perwakilan asing di negara ini.

"Kami tidak mahu sebarang insiden, seperti seseorang melukis perkataan 'pengganas' pada premis Kedutaan AS di sini. Negara lain juga mempunyai pemikiran sama, tidak mahu negara mereka dimalukan.

"Mereka akan melakukan segala-galanya untuk memastikan keselamatan pegawai kita (perwakilan Malaysia di luar negara). Jika tidak, kita akan panggil balik orang kita," katanya.